

**Parlimen: Kerajaan Laksana Langkah Liberalisasi Industri Automotif Dengan Teliti,  
Elak Kesan Negatif  
Bernama  
07 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Kerajaan sentiasa memastikan langkah liberalisasi industri automotif negara dilaksana dengan penuh teliti bagi memastikan ianya tidak memberi implikasi negatif terhadap pembangunan keseluruhan industri tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Jacob Dungau Sagan berkata langkah itu dilaksanakan dengan hasrat untuk mewujudkan persaingan seterusnya meningkatkan daya saing industri automotif tempatan.

"Antara langkah liberalisasi yang diambil termasuklah pengurangan dan penghapusan duti import bagi produk automotif di bawah pelbagai perjanjian perdagangan bebas serta penarikan semula pembekuan lesen pengilang bagi segmen automotif terpilih yang dikenal pasti sebagai strategik dan berimpak tinggi kepada ekonomi negara di bawah kajian semula Dasar Automotif Nasional.

"Selain itu, penghapusan sekatan kuantiti bagi kenderaan dipasang sepenuhnya (CBU) yang diimport dari Asean turut termasuk di bawah langkah liberalisasi industri automotif negara," katanya ketika menjawab soalan Azan Ismail (PKR-Indera Mahkota) pada persidangan Dewan Rakyat pada Rabu.

Azan ingin tahu mengenai kesan yang akan berlaku setelah dasar liberalisasi automotif negara dilaksanakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707651>